



Pemeriksaan Perubatan Percuma Untuk Warga Batu Arang

BATU ARANG, Nov 19 (Bernama) -- Kelab Rotary Petaling Jaya (RCPJ) dengan kerjasama Inner Wheel Club telah melancarkan Kem Perubatan 2013 bagi meningkatkan taraf dan kualiti hidup 200 penduduk di Batu Arang semalam. Kem Perubatan ini merupakan aktiviti yang dilaksanakan oleh RCPJ bagi membantu penduduk yang kurang berkemampuan untuk menikmati kualiti hidup yang lebih baik. Program ini dirasmikan oleh YB William Leong, Ahli Parlimen Selayang dan dihadiri oleh Timbalan Ketua Kampung Batu Arang, Tuan Haji Rafi.

Perkhidmatan yang diberi merangkumi pemeriksaan am, pemeriksaan kolesterol dan kencing manis oleh Yayasan Buah Pinggang Negara, pemeriksaan mata khususnya untuk mengesan cataract dan glaucoma, pemeriksaan gigi, pemberian ubat cacing dan sebagainya. Kesemua pemeriksaan ini dilakukan oleh doktor dan pakar dalam bidang berkenaan.



YB William Leong (kiri) melihat pemeriksaan gigi oleh pakar gigi. Diiringi oleh Presiden Kelab Rotary Petaling Jaya, Kapten H.S. Dharan (tiga dari kiri).

Kapten H.S.Dharan, Presiden RCPJ berkata bahawa lebih 50 peratus daripada penduduk di Batu Arang merupakan warga emas dan amat memerlukan sokongan sebegini. Menurut beliau, melalui program ini ramai penduduk berpeluang mengetahui status kesihatan masing-masing dan akan seterusnya mengubah gaya hidup untuk meningkatkan kualiti hidup masing-masing. Selain itu, YB William Leong pula menyarankan supaya badan bukan kerajaan yang lain menampilkan kehadapan untuk menghulurkan bantuan sebegini bagi meringankan beban kerajaan. Kampung Batu Arang pada 60-an amat menyumbang kepada ekonomi negara melalui industri batu arang dan kebanyakan warga emas yang masih menetap di situ merupakan penyumbang yang telah berkhidmat di industri tersebut.